



SIARAN MEDIA JABATAN ALAM SEKITAR

TINDAKAN JABATAN ALAM SEKITAR KE ATAS INSIDEN KEBAKARAN DI PREMIS PEMBUATAN CAT DI TAMAN PERINDUSTRIAN MERU, KLANG

29 April 2024, PUTRAJAYA – Susulan insiden kebakaran yang berlaku di sebuah premis pembuatan cat di Taman Perindustrian Meru, Klang yang dilaporkan berlaku pada jam 6.20 pagi, 29 April 2024 melibatkan dua buah bangunan premis berkeluasan 200 x 100 kaki persegi. Berdasarkan siasatan awal, kebakaran melibatkan kawasan penstoran bahan mentah mudah terbakar berunsurkan *organic solvent*. Kuantiti bahan-bahan yang terbakar masih dalam siasatan pihak premis.

TINDAKAN JABATAN ALAM SEKITAR

i) Pengawasan Kualiti Udara

Berdasarkan pengawasan melalui stesen pengawasan kualiti udara automatik Jabatan Alam Sekitar (JAS) di lokasi berhampiran iaitu di Pandamaran, Klang menunjukkan nilai bacaan Indeks Pencemar Udara (IPU) yang diambil pada jam 8.00 malam adalah 69 iaitu pada **tahap sederhana** dan di bawah had yang ditetapkan oleh Standard Kualiti Udara Ambien Negara.

Enam parameter utama yang dicerap bagi menghasilkan Indeks Pencemar Udara (IPU) yang menjadi petunjuk kepada tahap kualiti udara adalah seperti berikut:

- i.* Pepejal terampai kurang 2.5 mikron (PM_{2.5})
- ii.* Pepejal trampaik kurang 10 mikron (PM₁₀)
- iii.* Sulfur Dioksida (SO₂)
- iv.* Nitrogen Dioksida (NO₂)
- v.* Carbon Monoksida (CO)
- vi.* Ozon (O₃)

JAS juga telah menempatkan dua **(2) alat pengukuran tahap kualiti udara** di kawasan penerima terdekat iaitu **Sekolah Kebangsaan (SK) Meru, Klang** bagi memantau situasi pada masa kini susulan insiden pelepasan asap tebal kebakaran. Pengukuran gas-gas pencemar menggunakan Alat Portable Multigas Analyser yang menggunakan teknologi Fourier Transform Infrared Spectroscopy (FTIR) setakat jam 8.00 malam hari ini tidak mengesan sebarang gas-gas toksik di udara. Namun begitu, pengukuran tahap kualiti udara masih diteruskan secara berkala sehingga keadaan kembali seperti biasa.

ii) Tindakan Penguatkuasaan

Berikutan kemusnahan kawasan penstoran bahan mentah di premis, JAS telah mengeluarkan **arahan kerja-kerja pembersihan dan pelupusan sisa bahan kimia** terbakar ke Premis Yang Dilesenkan (PYDT) oleh JAS. Penilaian di lapangan turut mendapati parit di sekitar kawasan SK Meru telah dicemari pigmen berwarna hijau dan **kerja-kerja pembersihan telah selesai sepenuhnya petang tadi.**

Selain itu, JAS juga **menjalankan pemantauan pengaliran air** daripada aktiviti pemadaman di kawasan premis, bagi memastikan air daripada aktiviti pemadaman tidak disalurkan ke kawasan perparitan luar premis dan menjejaskan kualiti air di kawasan tersebut.

Merujuk kepada insiden kebakaran ini JAS akan meneruskan pemantauan berterusan bagi memastikan isu-isu berkaitan impak ke atas orang awam dan alam sekitar dapat ditangani segera.

JAS akan terus memantau bacaan IPU dari masa ke semasa dan bacaan IPU terkini setiap jam boleh dirujuk di laman web Jabatan Alam Sekitar (JAS) di alamat url, <http://apims.doe.gov.my/> atau dengan memuat turun aplikasi telefon pintar rasmi MyIPU di 'Google Play'.

-TAMAT-

**DATO' WAN ABDUL LATIFF BIN WAN JAFFAR
KETUA PENGARAH ALAM SEKITAR MALAYSIA**